

Sistem Bahasa

Bahagian A

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Penduduk kampung telah menemui seorang kanak-kanak lelaki di tepi sungai dalam keadaan _____.
 A ketakutan
 B kelelasan
 C kegawatan
 D ketandusan
- 2 Sumbangan yang diberikan oleh pihak kerajaan _____ dapat meringankan beban rakyat.
 A seada-adanya
 B sebaik-baiknya
 C setidak-tidaknya
 D seboleh-bolehnya

Soalan 3

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan **berhuruf condong** dengan betul.

- 3 I Perkara itu sudah *pupus* daripada ingatan saya.
 II Wang belanja Aidil yang diberikan oleh ayahnya *pupus* di tengah jalan.
 III Pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengelakkan benih penyu daripada *pupus*.
 IV Pencemaran laut yang teruk boleh mengakibatkan hidupan akuatik *pupus*.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 4 Guru bertanya tentang khabar adik saya yang dirawat di hospital.
 A bertanya khabar
 B menanyakan tentang khabar
 C bertanya mengenai khabar
 D bertanya tentang khabar

Soalan 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 5 Ke mana-mana sahaja Encik Johan pergi, dia dihormati dan disayangi.

Bidalan yang sesuai untuk pernyataan di atas ialah

- A indah khabar dari rupa
- B hari tidak selamanya panas
- C malas menggerit, perut perit
- D kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau

Bahagian B

1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Banyak jualan murah ditawarkan oleh pengusaha pusat beli belah, terutama pada musim perayaan.

(b) Murid pra-sekolah itu menyertai lawatan ke Zoo Negara.

2 Dalam petikan di bawah, terdapat lima kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

CIKGU ZAINAL : Yazid, di tahun 2016, hanya dua peratus remaja membaca akhbar setiap hari. Bolehkah aku tanya kamu, apakah cara yang dapat dilakukan untuk menarik minat para murid-murid untuk membaca?

YAZID : Pihak sekolah perlu adakan ceramah untuk memberitahu murid-murid tentang faedah membaca.

CIKGU ZAINAL : Pada pendapat kamu, apakah faedah membaca?

YAZID : Pada pendapat saya, apabila kita membaca, kita akan dapat menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan penguasaan kosa kata. Kita juga akan memperoleh keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan.

(a) _____

(b) _____

(c) _____

(d) _____

(e) _____

3 Berikan maksud peribahasa yang berikut:

(a) bagai menatang minyak yang penuh

(b) indah khabar dari rupa

(c) kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya
